

PERATURAN PERMAINAN TENPIN BOWLING

1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Tenpin Bowling Berpasukan Lelaki & Wanita Sukan Staf UTeM.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang PERSATUAN TENPIN BOWLING MALAYSIA (MTBC). yang berkuatkuasa pada ketika ini.

4.0 KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

5.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut ketentuan berikut :-
 - 5.1.1 Berpasukan Lelaki
 - 5.1.2 Berpasukan Wanita

6.0 PEMBENTUKAN PASUKAN

- 6.1 Semua pasukan diwajibkan mendaftar senarai nama pemain di dalam borang yang disediakan.
- 6.2 Setiap Pasukan perlu menghantar SATU (1) pasukan sahaja.
- 6.3 Campuran Pemain boleh terdiri daripada
 - a) 4 pemain LELAKI sahaja
 - b) 4 pemain WANITA sahaja

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Peserta mesti bermain mengikut susunan yang didaftarkan dalam permainan.
- 7.2 Susunan pemain boleh diubah dalam permainan (game) kedua dan berikutnya dengan menggunakan pemain yang asal seperti dalam borang pendaftaran.
- 7.3 Sekiranya didapati pasukan yang menukar peserta semasa pertukaran susunan pemain, pasukan tersebut akan hilang kelayakan bertanding.
- 7.4 Bermain di atas lorong yang salah :
 - 7.4.1 Bila seseorang pemain dalam lorong yang salah dan kesalahan ini ditemui sebelum peserta membuat balingan, maka balingan itu akan dianggap sebagai 'bola mati' (*dead ball*) dan peserta tersebut dikehendaki bermain semula frame yang kemudiannya pada lorong yang salah tadi.
- 7.5 Pacer:-Seseorang peserta yang bersedia untuk membaling bolanya harus mengetahui tentang hal dan obligasinya seperti berikut :-
 - 7.5.1 Mereka berhak bermain dahulu (right of away) terhadap peserta yang berada lorong sebelah kirinya. Mereka harus memberi laluan kepada peserta yang berada di lorong sebelah kanannya.
 - 7.5.2 Semua peserta harus bersedia untuk bermain bila sampai gilirannya dan tidak Melambatkan permainan. Peserta tersebut akan diberikan amaran dan boleh dikenakan penalti (0) kosong mata untuk frame tersebut.
- 7.6 Kehilangan Skor semasa gangguan Elektrik
 - 7.6.1 Sekiranya berlaku sebarang '*black out*' dalam tv monitor dimana skor hilang atau tidak dapat dipulihkan, maka peserta perlu bermain semula akan tetapi jika skor telah dicatatkan maka ia akan bersambung dari frame mana ia berhenti sebelum ini.
 - 7.6.2 Game-game yang mana skornya telah direkodkan akan dikekalkan.
 - 7.6.3 Sebarang kerumitan yang timbul akan diputuskan oleh JK dan keputusan adalah muktamad.

8.0 SISTEM CARTA & UNDIAN PERTANDINGAN

8.1 Sistem Pertandingan akan dijalankan mengikut standard kejohanan.

9.0 PERKARA LARANGAN

- 9.1 Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 9.2 **Memakai selipar dan seluar pendek / jeans tidak dibenarkan semasa bermain.** Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
- 9.3 **Semua pemain tidak dibenarkan menghisap rokok, meminum/membawa minuman keras atau di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan.**
- 9.4 Pemain yang membawa telefon bimbit (handset), pastikan nada dering telah ditukar kepada 'vibrate mode' semasa berada di dalam dewan pertandingan.

10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang seperti yang telah ditetapkan.
- 10.2 Para peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan.

11.0 MENARIK DIRI/MENYERAH KALAH

- 11.1 Setiap pasukan/pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 11.2 Pihak Penganjur dan pengerusi permainan berhak membuat keputusan sekiranya ada perkara yang tidak dinyatakan dan keputusan adalah muktamad.

12.0 KELEWATAN

- 12.1 Semua peserta dikehendaki melaporkan diri selewat-lewatnya 15 minit Sebelum sesuatu acara dimulakan. Peserta yang lewat akan hilang kelayakan dalam sesuatu acara itu dan peraturan ini berkuatkuasa dalam semua acara
- 12.2 Sekiranya didapati pasukan yang sengaja melewatkan masa ketika Kejohanan berlangsung, tindakan hukuman pemotongan mata (15 mata) jatuhnya PIN akan dikenakan.

13.0 HADIAH & PEMENANG

Acara tenpin boling menyediakan 2 pingat keseluruhan (medal tally) mengikut ketentuan berikut :-

13.1.1 Berpasukan Lelaki

13.1.2 Berpasukan Wanita

14.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

15.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI BERPASUKAN LELAKI	EMAS	PERAK	GANGSA
Pegawai	1	1	1
Atlet	5	5	5
KATEGORI BERPASUKAN WANITA	EMAS	PERAK	GANGSA
Pegawai	1	1	1
Atlet	5	5	5
JUMLAH	12	12	12